

09 JUNE 2000

MTUC-Gaji

MTUC LANCAR KEMPEN KUMPUL SOKONGAN UNTUK GAJI MINIMUM RM900

PETALING JAYA, 9 Jun (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini melancarkan kempen di seluruh negara bagi mengumpul sokongan ke atas cadangan gaji minimum RM900 untuk para pekerja di negara ini.

Setiausaha Agung MTUC G.Rajasekaran berkata pada kempen itu, anggota kesatuan akan menghantar poskad kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata 10,000 poskad dengan Deklarasi Hari Buruh 2000 akan dihantar, masing-masing kepada Dr Mahathir and Dr Fong (10,000 keping seorang), dan orang awam yang telah menunjukkan sokongan kepada kempen ini akan diminta menulis surat kepada kerajaan berhubung perkara ini.

"Kami menganggarkan sekurang-kurangnya dua juta pekerja akan mendapat faedah daripada gaji minimum ini di seluruh negara," kata beliau dalam sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata kajian ke atas tangga gaji di 65 buah syarikat termasuk di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Ipoh, Shah Alam dan Johor Baharu mendapati pekerja am bukan mahir dibayar gaji RM300 hingga RM350 sebulan.

"Kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja Felda Trading Sdn Bhd di Kuala Lumpur pula melaporkan gaji minimum mereka ialah RM273," kata beliau yang mengetahui perkara ini apabila kajian dijalankan.

Rajasekaran berkata jawatankuasa khas MTUC bagi gaji minimum memutuskan untuk mendapatkan RM900 sebagai gaji minimum berdasarkan kepada keperluan asas seseorang itu.

Beliau berkata mengikut kajian, setengah daripada gaji yang dicadangkan itu ialah untuk makan dan minuman, RM135 penginapan, RM130 pengangkutan, RM99 sumbangan pekerja kepada KWSP, RM82 perbelanjaan lain dan RM4 Socso.

"Kami rasakan ini tidak munasabah... Tiada siapa akan menjadi kaya dengan mendapat gaji RM900 sebulan. Ini adalah asas yang kami perolehi dan saya katakan bahawa gaji minimum itu sebenarnya adalah kadar sara hidup minimum," kata beliau.

Rajasekaran berkata dengan meletakkan gaji minimum RM900, kerajaan boleh bercakap kepada pihak industri mengenai tenaga kerja, mengurangkan penggantungan ke atas pekerja asing, membasmi kemiskinan, memperbaiki kuasa belian, memperkuat dan menambah pengeluaran dan memudahkan perkembangan positif ekonomi.

Beliau berkata MTUC, yang telah membawa isu gaji minimum ini sejak 50 tahun lepas, yakin dengan melaksanakan gaji minimum ini, beribu-ribu kaum wanita akan datang bekerja.

Mengulas kenyataan kerajaan bahawa tambahan gaji itu mesti berdasarkan produktiviti, Rajasekaran berkata perkara mengenai gaji minimum ini perlu dilaksanakan dulu, sebelum soal produktiviti ditimbulkan.

Beliau yakin kerajaan akan menerima cadangan ini berdasarkan kenyataan oleh Perdana Menteri dan Fong.

Selain tangga gaji minimum, beliau berkata MTUC juga telah mengulangi tuntutan mengenai penubuhan tabung pemberhentian pekerja dan pengangguran, pengesahan dan pelaksanaan Konvensyen ILO 87 mengenai kebebasan berpersatuan dan hak menganjur, kemudahan bersalin yang lebih baik untuk pekerja wanita dan menaikkan umur persaraan kepada 60 tahun, dalam pos kad itu.

Kesemua 230 gabungan MTUC akan membentangkan cadangan itu untuk dibincangkan dalam mesyuarat agung dan juga persidangan perwakilan masing-masing dan MTUC akan bertemu Fong dalam masa dua minggu lagi untuk

menghantar memorandum tersebut, tambah beliau.

Turuu hadir dalam sidang media itu ialah naib presiden MTUC Kamarus Zaman Mansor dan timbalan setiausaha agung Abdul Halim Mansor.

-- BERNAMA

NHD AHH zb